

31 AUG 1996

Mahathir-Tragedi

HENTIKAN SIKAP CARI SILAP ORANG LAIN, KATA PM

KOTA KINABALU, 31 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyelar sikap kalangan yang suka mencari kesilapan orang lain apabila berlaku sesuatu tragedi tetapi tidak memikirkan cara memberi bantuan.

Perdana Menteri berkata kini di Malaysia, banyak yang lebih gemar menuding jari dan sentiasa mencari alasan untuk menuduh orang lain.

"Di Malaysia, ada antara kita bukan peduli sangat tentang orang mati, tetapi sedap bila ada tragedi, nak cari siapa salah. Itu adalah sikap yang tidak baik," katanya semasa mengulas mengenai tragedi banjir lumpur di penempatan Orang Asli Pos Dipang di Kampar, Perak.

Beliau berkata demikian pada persidangan berita sebelum berlepas ke Tawau sesudah menghadiri sambutan Hari Kemerdekaan ke-39 yang pertama kali diadakan di Sabah.

Dalam hal tragedi itu, katanya, golongan tertentu suka mencari alasan dengan cuba mencari kesilapan dasar kerajaan dan mengaitkan kejadian dengan kemungkinan kerja pembinaan di tempat itu sebagai punca kejadian.

Bagaimanapun, Perdana Menteri semalam berkata tidak mungkin ada kerja pembinaan di tempat itu kerana ia merupakan penempatan Orang Asli.

"Saya tidak berminat mencari alasan. Saya berasa sangat, sangat sedih kerana ada orang menderita seperti ini dan kita mahu melakukan sesuatu mengenainya," kata beliau.

Beliau berkata semua pihak sepatutnya bersimpati dan membantu golongan yang malang dengan mengambil tindakan sewajarnya.

Perdana Menteri berkata setakat ini beliau belum mengetahui punca sebenar kejadian itu kerana belum diberi taklimat terperinci mengenainya.

"Hakikatnya ia satu tragedi dan kita harus bertindak terhadap tragedi itu," katanya.

-- BERNAMA

MOK AKD